

KNOWLES CORPORATION

TATALAKU

DAN ETIKA PERNIAGAAN

SURAT DARIPADA KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF KITA

Warga Pekerja Knowles Corporation yang dihormati,

Kita semua di Dover amat berbangga menawarkan para pelanggan kita produk dan perkhidmatan yang unggul, yang mencerminkan iltizam kita terhadap kecemerlangan operasi, inovasi dan kepimpinan pasaran. Matlamat kita ialah untuk menjadi peneraju dalam setiap pasaran yang kita berada untuk memberi manfaat kepada para pelanggan dan pemegang saham kita.

Usaha secara bersama keseluruhan organisasi kita tertumpu sekitar lima nilai utama yang memacu segala tindakan kita setiap hari. Nilai Utama Knowles ialah:

Semangat kerjasama keusahawanan.

Berjaya melalui para pelanggan kita.

Piawaian etika, keterbukaan dan kepercayaan yang tinggi.

Harapan terhadap hasil.

Menghormati dan menghargai sesama insan.

Sambil Knowles terus berkembang, perniagaan dan teknologi global turut berkembang untuk memenuhi keperluan pasaran masa kini. Semasa semua perubahan ini berlaku, kita mesti terus berpegang teguh pada Nilai kita dan beroperasi menurut piawaian etika tertinggi. Ia menjadi lebih penting sekarang daripada sebelumnya memandangkan amalan perniagaan korporat semakin diteliti dan peraturan semua industri bertambah ketat.

Tatalaku dan Etika Perniagaan Knowles Corporation menetapkan piawaian yang kita sentiasa perlu patuhi apabila menjalankan operasi kita. Kod ini digunakan kepada semua pekerja, kontraktor, ejen dan pengarah, dengan menetapkan satu harapan yang jelas berkenaan piawaian yang mesti kita patuhi dalam semua aktiviti kita yang berkaitan dengan kerja. Kod kita akan dikuatkuasakan dengan adil dan konsisten, tanpa mengira kedudukan kita di Knowles. Anda akan diminta untuk memperakarkan secara rasmi bahawa anda telah membaca, memahami dan bersetuju mematuhiinya.

Setiap daripada kita perlu memainkan peranan untuk menghalang atau membentulkan sebarang pelanggaran yang berlaku di tempat kerja. Anda perlu berbincang jika terdapat sebarang soalan atau kebimbangan berkenaan Kod atau sebarang aktiviti di Knowles bersama dengan penyelia anda atau wakil Knowles yang dilantik. Knowles akan mengendalikan aduan mengenai pelanggaran secara rahsia setakat yang dibenarkan, dan tidak ada sesiapa yang membuat aduan berkenaan pelanggaran yang disyaki dengan niat yang baik akan dikenakan tindakan balas kerana membuat aduan sedemikian.

Tingkah laku beretika melangkaui kewajipan perundangan kita—ia amalan perniagaan yang baik. Kejayaan perniagaan kita bergantung pada nama baik kita berkaitan prestasi perniagaan beretika, yang membolehkan kita menjadi cekap dan juga berkesan dalam urus niaga harian.

Sila baca Kod ini dengan berhati-hati dan teliti. Marilah kita semua memperbaharui iltizam kita untuk melindungi dan mengukuhkan nama baik Knowles daripada segi integriti dan mempertahankan piawaian yang ditetapkan di dalam Kod ini.

Yang ikhlas,



Jeffrey S. Niew
Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif

ISI KANDUNGAN

SURAT DARIPADA KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF KITA	i
SELAMAT DATANG KE KOD GLOBAL KITA	1
Apakah Tujuan Kod Kita?	1
Siapakah yang Dikenakan Kod Ini?.....	1
Apakah yang Diharapkan daripada Saya?	1
BERTANYA SOALAN DAN MENYUARAKAN KEBIMBANGAN	3
Bagaimanakah Saya Mendapatkan Panduan atau Membuat Laporan?	3
Adakah Sesiape Akan Mengambil Tindakan Balas Terhadap Saya kerana Membuat Laporan?	4
Apa Akan Terjadi Selepas Saya Membuat Laporan?	4
Apakah Akibat daripada Pelanggaran Kod?	4
MENGHORMATI DAN MENGHARGAI SESAMA INSAN.....	5
Penerimaan di Tempat Kerja	5
Pengambilan Pekerjaan Saksama.....	6
Persekitaran Kerja yang Selamat dan Sihat	7
MENGHORMATI DAN MENGHARGAI PELANGGAN DAN PEMBEKAL KITA	8
Produk yang Selamat dan Perkhidmatan yang Berkualiti.....	8
Undang-undang Urus Niaga dan Persaingan yang Adil	8
Layanan Beretika Pembekal	11
Perlindungan Maklumat Pihak Ketiga	11
Pertanyaan yang Diajukan oleh Penganalisis dan Media	11
MENGHORMATI DAN MENGHARGAI UNDANG-UNDANG DAN ETIKA	12
Pematuhan Perdagangan	12
Percanggahan Kepentingan; Keuntungan dan Perhubungan Tak Wajar	14
Rasuah, Sogokan dan Bayaran Tidak Wajar yang Lain	16
Aset, Maklumat dan Teknologi Knowles	17
Paten, Hak Cipta, Tanda Dagangan dan Rahsia Perdagangan.....	19
Keselamatan Komputer dan Data	20
Integriti Buku dan Rekod Kewangan Kita.....	21
Penyimpanan Dokumen dan Rekod.....	22
Mengelakkan Perdagangan Orang Dalam	22
Penyiasatan dan Audit.....	23
MENGHORMATI DAN MENGHARGAI KOMUNITI GLOBAL KITA	24
Kemapanan Alam Sekitar	24
Kontrak Kerajaan	24
Sumbangan Politik	24
Pengubahan Wang Haram.....	24
PENEPIAN TERHADAP KOD KITA.....	26

SELAMAT DATANG KE KOD GLOBAL KITA

APAKAH TUJUAN KOD KITA?

Di “**Syarikat**” kita), kita memahami bahawa kejayaan kita bergantung pada reputasi prestasi perniagaan beretika kita. Setiap hari, kita diharapkan agar menjalankan kerja kita dengan jujur, tekun dan penuh integriti. Atas sebab ini, kita telah membangunkan Tatalaku dan Etika Perniagaan Knowles Corporation (“**Kod**” kita). Kod kita direka untuk membimbing kita semua dalam mempertahankan nama baik kita yang bernilai dengan melibatkan diri dalam amalan perniagaan yang beretika, bertanggungjawab dan menurut undang-undang dalam kesemua operasi kita di seluruh dunia. Ia merupakan sumber yang anda boleh gunakan apabila anda memerlukan maklumat atau bimbingan sebelum membuat sebarang keputusan.

Melalui Kod kita, Syarikat kita telah menetapkan piawaian global untuk membantu memastikan kita menjalankan perniagaan secara adil dan jujur, dan supaya Nilai dan Kecekapan Kepimpinan kita dipertahankan. Selain itu, Kod kita menunjukkan kepada kita cara berinteraksi secara beretika dengan setiap pemegang taruh kita—termasuk rakan pekerja kita, para pelanggan, pembekal, pesaing, pihak kerajaan dan masyarakat keliling kita—and demi kepentingan para pemegang saham kita. Memahami dan mematuhi Kod kita merupakan bahagian penting dalam mengekalkan budaya dan nama baik Knowles. Anda akan menjumpai banyak sumber dalam seluruh Kod kita untuk membantu anda membuat keputusan yang sebaik mungkin semasa menjalankan perniagaan Knowles.

SIAPAKAH YANG DIKENAKAN KOD INI?

Setiap daripada kita memainkan peranan yang amat genting dalam budaya dan amalan perniagaan beretika Syarikat kita. Ini termasuk pekerja sepenuh masa dan pekerja separuh masa Knowles Corporation serta segmennya, syarikat operasi dan anak syarikatnya di seluruh dunia, bersama Lembaga Pengarah Syarikat. Oleh itu, kita semua terikat dengan kod yang sama.

Selain itu, Knowles Corporation mencari rakan kongsi perniagaan kita—pengedar, pembekal, perunding, ejen dan pembekal pihak ketiga yang lain—yang bertindak menurut cara yang sejajar dengan Kod kita. Kita enggan berurusan dengan pihak ketiga yang melanggar standard tinggi kita atau melenceng daripada nilai yang kita usahakan selama ini.

APAKAH YANG DIHARAPKAN DARIPADA SAYA?

Oleh sebab Kod kita digunakan kepada kita semua, kita perlu peka mengenai tanggungjawab bersama kita. Apabila bertindak bagi pihak Knowles Corporation, kita diharapkan agar:

- Bertindak dengan penuh kejujuran dan integriti
- Memahami dan mematuhi undang-undang dan peraturan yang dikenakan ke atas kita dan kerja kita
- Membaca, memahami dan mematuhi Kod kita
- Mendapatkan bimbingan apabila mempunyai persoalan

- Melaporkan sebarang pelanggaran Kod yang disyaki dengan mengikuti langkah yang ditetapkan dalam bahagian “Bertanya Soalan dan Menyuarkan Kebimbangan” dalam Kod kita
- Bekerjasama dalam sebarang penyiasatan ke atas kemungkinan salah laku

Kita semua merupakan penjaga Kod kita, tidak kira walau di mana lokasi kita, apa jawatan kita atau apa unit perniagaan kita. Oleh itu, kita semua hendaklah mematuhi peraturan yang sama. Dengan berbuat demikian, kita membantu mewujudkan Knowles yang lebih baik dan lebih kukuh.

Mematuhi Undang-undang yang Tersurat dan Tersirat

Knowles Corporation menjalankan perniagaan di seluruh dunia. Disebabkan kehadiran global kita, kita perlu mengetahui bahawa undang-undang, peraturan, amalan perniagaan dan kebiasaan boleh jauh berbeza dari sebuah negara ke sebuah negara yang lain. Walaupun penting bagi kita menghormati perbezaan antara pelbagai undang-undang dan amalan, kita tidak boleh sekali-kali melanggar Kod atau dasar Syarikat kita dalam menjalankan perniagaan. Jika timbul sesuatu keadaan yang terdapat percanggahan antara Kod kita, dasar Syarikat atau undang-undang mana-mana negara, anda perlu mendapatkan bimbingan daripada penyelia anda atau sebarang sumber yang disenaraikan di bawah sebelum mengambil tindakan.

Harapan Tambahan untuk Penyelia

Penyelia ialah ketua etika dalam syarikat Knowles. Sebagai penyelia kepada pekerja yang lain, anda merupakan sumber dan model peranan untuk pengendalian perniagaan yang betul. Oleh itu, sebagai penyelia, anda memikul tanggungjawab tambahan daripada segi mempertahankan Kod kita. Anda diharapkan agar menggalakkan suasana bekerja yang positif, tempat pekerja dilayan dengan bermaruah dan hormat dan berasa selesa untuk menyuarkan kebimbangan dan sudut pandangan yang pelbagai. Sebagai penyelia, anda hendaklah memainkan peranan untuk mewujudkan budaya pematuhan. Anda boleh melakukannya, sebagaimanya, dengan:

- Berpegang pada standard Kod kita sepanjang masa
- Memastikan pekerja yang anda selia memahami dan mematuhi piawaian yang ditetapkan dalam Kod kita, dan anda menjawab sebarang soalan yang mereka mungkin ajukan tentang Kod atau dasar Syarikat kita
- Menyokong sesiapa yang menyuarkan kebimbangan atau melaporkan dengan niat baik tentang masalah yang disyaki
- Jangan sekali-kali mengambil—atau membenarkan—sebarang tindakan balas terhadap seseorang yang membuat laporan dengan niat baik tentang salah laku yang disyaki
- Memajukan isu salah laku sebenar atau berpotensi kepada sumber yang berkenaan

Sebagai penyelia, tingkah laku beretika bermula daripada anda. Kepimpinan melalui teladan ialah cara terbaik untuk mendorong tingkah laku beretika daripada orang lain.

BERTANYA SOALAN DAN MENYUARAKAN KEBIMBANGAN

BAGAIMANAKAH SAYA MENDAPATKAN PANDUAN ATAU MEMBUAT LAPORAN?

Jika anda berasa ragu-ragu tentang perkara yang sepatutnya dilakukan dalam sesuatu situasi perniagaan, anda hendaklah mendapatkan bimbingan. Selain itu, anda bertanggungjawab untuk memaklumkan penyelia anda atau mana-mana sumber yang disenaraikan di bawah sekiranya anda mengetahui atau mengesyaki tentang sebarang salah laku. Melaporkan kebimbangan anda dapat menyumbang kepada budaya beretika kita dan membantu Knowles meminimumkan sebarang kesan buruk kepada pekerja kita, pemegang taruh lain, Syarikat dan jenama.

Penyelia anda selalunya orang yang dianggap paling sesuai untuk membantu anda. Walau bagaimanapun, jika anda berasa tidak selesa untuk membincangkan perkara tersebut dengan penyelia anda, atau tindak balasnya tidak mencukupi, anda juga boleh menghubungi:

- Wakil Sumber Manusia di lokasi, perniagaan operasi atau segmen anda
- CFO atau Presiden di perniagaan operasi anda
- Jabatan Undang-Undang Knowles
- Jabatan Pematuhan Korporat Knowles
- Talian Hotline Global Knowlesdi 1-855-657-8022 (jika di A.S.), 1-800-81-6971 (jika di Malaysia), 4009911204 (jika di China) atau di www.knowles.ethicspoint.com (di luar A.S.) dan memilih "lapor melalui telefon"

Talian Hotline Global Knowles boleh dihubungi 24 jam sehari, 7 hari seminggu dan ditadbir oleh pihak ketiga. Anda boleh melaporkan sesuatu perkara melalui Talian Hotline melalui telefon atau menyerahkan laporan berdasarkan web. Untuk panggilan Talian Hotline, pusat panggilan pihak ketiga menjawab panggilan dan menyalin maklumat yang dilaporkan. ID pemanggil tidak sekali-kali digunakan, dan tidak akan ada usaha untuk mengesan sebarang panggilan yang dibuat ke Talian Hotline. Laporan berdasarkan web boleh diserahkan di www.knowles.ethicspoint.com.

Sebagai alternatif, anda boleh menghantar nota dengan butiran perkara berkenaan dan dokumen berkaitan kepada:

Knowles Corporation
1151 Maplewood Drive
Itasca, IL, USA 60143
Attention: Corporate Law Department

Anda boleh membuat laporan secara tanpa nama, di mana undang-undang setempat membenarkannya. Walau bagaimanapun, ingatlah bahawa semakin banyak maklumat yang anda berikan, semakin mudah untuk Syarikat menyiasat dan memberi maklum balas yang sewajarnya kepada laporan anda.

ADAKAH SESIAPA AKAN MENGAMBIL TINDAKAN BALAS TERHADAP SAYA KERANA MEMBUAT LAPORAN?

Sebahagian daripada memupuk budaya integriti bermakna berasa selesa untuk membuat laporan. Knowles tidak mentoleransi sebarang bentuk tindakan balas kerana melaporkan, dengan niat baik, kelakuan yang menyalahi undang-undang atau tidak beretika yang disyaki. Membuat laporan dengan “niat baik” bermakna bahawa anda telah memberikan semua maklumat yang ada dan anda mempercayainya sebagai benar, walaupun kemudianya laporan anda didapati tidak berasas. Jika anda mengesyaki bahawa anda dikenakan tindakan balas, anda perlu menghubungi Sumber Manusia atau Talian Hotline Global kita.

APA AKAN TERJADI SELEPAS SAYA MEMBUAT LAPORAN?

Di Knowles, kita memandang serius tentang pelanggaran Kod kita. Oleh itu, semua laporan salah laku sebenar atau disyaki akan disiasat. Knowles beriltizam untuk memastikan maklumat anda sesulit mungkin setakat yang dibenarkan secara munasabah di bawah undang-undang tempatan, dan berusaha untuk mendedahkan maklumat yang dilaporkan berdasarkan mereka yang perlu tahu dan tegas.

APAKAH AKIBAT DARIPADA PELANGGARAN KOD?

Disebabkan Kod kita ialah bahagian penting budaya beretika dan nama baik kita, pelanggaran Kod mungkin mengakibatkan tindakan tatatertib yang serius—sehingga dan termasuk pemberhentian. Dalam kes bersesuaian, Knowles mungkin juga akan merujuk salah laku kepada pihak berkuasa berkenaan untuk pendakwaan. Ini mungkin menyebabkan individu yang terlibat dikenakan hukuman sivil dan/atau jenayah.

MENGHORMATI DAN MENGHARGAI SESAMA INSAN

PENERIMAAN DI TEMPAT KERJA

Kepelbagaian dan Rangkuman

Salah satu kekuatan utama Knowles dalam pasaran ialah kepelbagaian tenaga kerja berbakat kita. Knowles terdiri daripada orang berdedikasi yang berkemahiran serta berintegriti. Kita giat mencari individu daripada pelbagai latar belakang budaya dan berpendidikan untuk menyumbang kepada budaya beretika Syarikat kita. Ia merupakan matlamat kita untuk memupuk dan mengekalkan gabungan individu yang unik ini dan untuk menggalakkan suasana kerja dan hubungan perniagaan yang membentarkan setiap daripada kita untuk mencapai keupayaan kita sepenuhnya. Ini dapat membantu kita semua mencapai kejayaan. Oleh itu, kita perlu sentiasa melayan satu sama lain dengan bermaruah dan menerima pelbagai kemahiran, idea dan latar belakang kita.

Pengekalan tenaga kerja yang pelbagai membolehkan kita mengayakan budaya kita dan masyarakat sekitar, sekaligus mencipta nilai untuk para pemegang taruh kita. Sebab itulah kita semua mesti berusaha untuk menghormati dan menghargai perbezaan antara rakan pekerja kita di Knowles.

Diskriminasi dan Gangguan

Menggalakkan kepelbagaian di seluruh Syarikat tidak bermakna jika kita tidak menghormati satu sama lain. Knowles beriltizam untuk mengekalkan suasana kerja yang selesa dan profesional. Secara bersama-sama, kita hendaklah berusaha untuk mewujudkan tempat kerja yang bebas daripada diskriminasi dan gangguan.

Menjadi dasar Knowles untuk mematuhi undang-undang pekerjaan yang dikenakan. Walaupun pekerja dan pemohon untuk pekerjaan mesti layak dan berupaya untuk melaksanakan fungsi penting tugas tersebut, setiap orang mesti diberikan peluang yang sama sepenuhnya menurut undang-undang dan tanpa mengira bangsa, warna kulit, agama, kecacatan, negara asal, jantina, orientasi seksual, status perkahwinan, umur atau ciri lain yang dilindungi oleh undang-undang. Syarikat kita memberikan jawatan berdasarkan merit. Kita hendaklah menghormati hak setiap rakan pekerja dan pihak ketiga. Sudah menjadi dasar kita untuk menyediakan kemudahan yang munasabah kepada individu yang layak dalam segala aspek proses pengambilan pekerja.

Selain itu, dasar kita tidak bertolak ansur terhadap gangguan atau sebarang tingkah laku yang mewujudkan suasana menakut-nakutkan, menyaktikan hati atau menjaskan maruah orang lain.

Gangguan boleh berbentuk seksual atau bukan seksual. Gangguan boleh termasuk, sebagai contoh, permintaan seksual yang tidak diingini, komen tidak senonoh berbaur seks yang menyakitkan hati, sentuhan, permintaan layanan seks, komen atau grafik tidak wajar atau sebarang jenaka atau gambar berkaitan dengan ciri terlindung seseorang. Untuk memastikan gangguan tidak berlaku di tempat kerja, kita hendaklah memastikan bahawa komen dan tindakan kita adalah wajar dan penuh hormat. Jika anda rasa bahawa anda pernah mengalami atau melihat sebarang perbuatan diskriminasi atau gangguan, anda perlu melaporkan kejadian itu dengan secepat mungkin kepada penyelia anda, wakil Sumber Manusia atau Talian Hotline Global kita.

Soal & Jawab

- S: Anastasia dan Elena bekerja berdekatan dengan satu sama lain. Walaupun mereka tidak mempunyai hubungan kerja yang rapat, tetapi mereka adalah sebahagian daripada satu pasukan. Elena sering menggunakan bahasa kasar apabila dia kecewa dengan kerjanya atau mengalami hari yang teruk—bahasa yang Anastasia anggap kesat. Walaupun Anastasia telah meminta secara baik kepada Elena agar mengurangkan sikap suka menyumpah, dia tidak mempedulikannya, malah berkata, "Inilah cara saya menangani tekanan. Saya tidak maksudkan apa-apa." Tingkah lakunya bukan bertambah baik, dan keadaan ini masih menyebabkan Anastasia rasa terganggu. Apakah langkah seterusnya yang perlu diambilnya?
- J: Anastasia telah melakukan perkara yang betul dengan menyuarakan kebimbangannya kepada Elena. Walau bagaimanapun, Elena seharusnya menghormati perasaan Anastasia dan berhenti menggunakan bahasa kasar. Disebabkan tingkah laku Elena tidak menunjukkan sebarang perubahan positif, Anastasia perlu merujukkan perkara itu kepada penyelianya atau wakil Sumber Manusia untuk semakan selanjutnya. Walaupun Elena mungkin tidak berniat untuk menyinggung rakan sekerjanya, namun begitu tindakannya adalah tidak wajar dan Knowles mengharapkan pekerjaanya menghormati satu sama lain.

PENGAMBILAN PEKERJAAN SAKSAMA

Menghormati dan menghargai orang kita bermakna mengamalkan pengambilan pekerjaan saksama. Ia bermakna bahawa selain mengekalkan tempat kerja yang bebas daripada diskriminasi dan gangguan, kita hendaklah menegakkan hak asasi manusia dalam semua operasi kita. Untuk melakukannya, kita hendaklah mematuhi semua undang-undang upah dan jam kerja tempat kita menjalankan perniagaan. Knowles tidak akan bertolak ansur mengenai penggajian kanak-kanak atau buruh paksa dan kita enggan menjalankan perniagaan dengan mana-mana pembekal atau pihak ketiga lain yang berbuat begitu. Ini bermakna, antara lain, kita tidak membenarkan eksloitasi kanak-kanak, fizikal, lisan atau penderaan emosi atau khidmat tanpa rela. Dalam usaha untuk menyokong pemansuhan berkesan buruh kanak-kanak di seluruh dunia, kita menghormati sepenuhnya semua undang-undang yang dikenakan, yang menetapkan umur minimum untuk pekerjaan.

Dalam usaha untuk Syarikat kita menegakkan iltizam ini, penting agar kita tidak pernah bertolak ansur dengan layanan buruk terhadap pekerja di mana-mana kemudahan kita atau oleh pembekal, pengedar atau ejen kita. Sekiranya anda mengetahui atau mengesyaki sesiapa yang menjalankan perniagaan bagi pihak Knowles terlibat dalam amalan pekerjaan yang tidak beretika, anda perlu melaporkan kejadian tersebut dengan secepat mungkin mengikut langkah yang dinyatakan dalam "Bagaimanakah Hendak Mendapatkan Bimbingan atau Membuat Laporan?"

Melindungi Maklumat Peribadi Satu Sama Lain

Selain menghormati perbezaan satu sama lain, kita diharapkan agar melindungi maklumat peribadi satu sama lain. Dari sehari ke sehari, kita mengamanahkan Knowles Corporation untuk menyimpan maklumat peribadi yang sulit dan sensitif. Maklumat sebegitu mungkin termasuk alamat rumah, pampasan, maklumat kesihatan, nombor pengenalan kerajaan dan data gaji. Penting agar kita mematuhi semua undang-undang privasi data berkaitan yang dikenakan, yang

mentadbir pengendalian maklumat ini. Kita juga hendaklah menghormati privasi maklumat dengan hanya mengakses dan berkongsi data sulit pekerja untuk tujuan perniagaan sah dan hanya selepas menerima kelulusan yang sepatutnya. Kita tidak sekali-kali boleh mengulang atau membincangkan maklumat ini dengan sesiapa yang tidak mempunyai keperluan perniagaan untuk mengetahuinya.

PERSEKITARAN KERJA YANG SELAMAT DAN SIHAT

Sukar sekali untuk menggalakkan suasana kerja beretika yang positif dan memenangi urus niaga apabila kita rasa tidak selesa atau tidak selamat. Oleh itu, kita masing-masing mempunyai tanggungjawab kepada Syarikat kita dan kepada satu sama lain untuk menggalakkan tempat kerja yang selamat dan terjamin untuk semua warga kerja Knowles.

Peraturan keselamatan berbeza-beza di negara dan negeri yang berbeza. Oleh itu, selain standard global kita untuk menggalakkan keselamatan, lokasi kita telah menyediakan dasar keselamatan yang terperinci. Dasar ini mungkin berbeza-beza, bergantung pada keperluan kerja dan peraturan setempat. Anda bertanggungjawab untuk mengetahui dan mematuhi dasar keselamatan global dan tempatan yang berkenaan dengan tugas anda.

Kita mesti mematuhi semua dasar dan peraturan keselamatan dan sekuriti. Anda perlu melaporkan dengan segera tentang sebarang pelanggaran dasar keselamatan atau kemungkinan bahaya kepada penyelia anda atau salah satu daripada sumber yang disenaraikan dalam bahagian “Bagaimanakah Hendak Mendapatkan Bimbangan atau Membuat Laporan?” di dalam Kod. Kegagalan untuk melaporkan dengan betul tentang pelanggaran keselamatan yang diketahui—atau mencadangkan supaya pekerja lain tidak melapkannya—merupakan pelanggaran Kod kita dan boleh mengakibatkan dikenakan tindakan disiplin, sehingga dan termasuk pemecatan.

Penggunaan Dadah dan Arak

Penting bagi kita untuk melaksanakan tugas kita dengan selamat dan bertanggungjawab—if tidak, kita berisiko mendapat kecederaan diri dan orang lain, serta menjelaskan nama baik Syarikat kita. Sebab itulah, anda tidak sekali-kali boleh bekerja di bawah pengaruh sebarang jenis arak atau dadah terlarang atau memiliki dadah terlarang di tempat kerja anda. Melakukannya sememangnya tidak boleh diterima—ia menjelaskan keselamatan anda dan rakan sekerja anda. Selain itu, anda perlu memahami kesan sebarang ubat yang dipreskripsikan yang diambil, agar ia tidak mengganggu keupayaan anda melakukan kerja dengan selamat dan berkesan, termasuk mengendalikan kenderaan dan jentera.

Kadang-kala, arak mungkin disediakan di majlis Syarikat seperti perkelahan syarikat atau majlis keraian percutian atau acara yang dibenarkan seperti makan malam perniagaan. Jika anda meminum arak semasa majlis Syarikat, anda hendaklah minum selaras dengan amalan pejabat tempatan, termasuk mendapatkan kebenaran yang perlu dan tidak harus berlebihan. Selain itu, tiada sesiapa patut berasa didesak untuk meminum arak semasa majlis Syarikat. Akhir sekali, anda perlu memahami mengenai kesan arak ke atas kebolehan memandu anda dan mengaturkan pilihan pengangkutan yang lain, jika perlu, selepas meminum arak.

Tiada Keganasan di Tempat Kerja Kita

Tiada ruang untuk keganasan di Knowles Corporation. Perbuatan keganasan, serta ucapan atau isyarat ancaman atau tingkah laku mengganggu di tempat kerja adalah tidak diterima. Selain itu, senjata peribadi diharamkan di dalam semua kemudahan, kenderaan dan jentera Knowles. Penting sekali bagi kita memahami dan menghormati peraturan yang berkuat kuasa di tempat kita bekerja. Pelanggaran peraturan yang sebegini bukan sahaja akan mengakibatkan dikenakan tindakan disiplin, tetapi juga boleh menyebabkan kecederaan kepada rakan sekerja.

MENGHORMATI DAN MENGHARGAI PELANGGAN DAN PEMBEKAL KITA

PRODUK YANG SELAMAT DAN PERKHIDMATAN YANG BERKUALITI

Di Knowles, kita berbangga dengan pelaksanaan kerja yang berkualiti, dan kepercayaan pelanggan terhadap produk-produk kita. Untuk terus menghasilkan produk yang inovatif, berkualiti tinggi dan menyediakan perkhidmatan tambah nilai kepada para pelanggan kita, kita hendaklah peka dan mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang diguna pakai yang mengawal keselamatan dan kualiti produk.

Anda bertanggungjawab mematuhi segala yang tersurat dan tersirat dalam semua peraturan keselamatan, dan melaporkan apa-apa keadaan yang berkemungkinan tidak selamat kepada penyelia anda atau sumber yang disenaraikan pada bahagian “Bagaimanakah Hendak Mendapatkan Bimbingan atau Membuat Laporan?” di dalam Kod. Jika kita tidak menegakkan iltizam kita untuk memberikan produk dan perkhidmatan yang sebaik mungkin kepada pelanggan, kita berisiko kehilangan kepercayaan mereka, menjadikan keselamatan mereka dan mencemarkan nama baik kita.

Soal & Jawab

- S: David bekerja di kemudahan pengeluaran. Beliau sering menggunakan sebuah mesin yang mempunyai banyak bahagian yang bergerak, tetapi beliau bukanlah seorang pemeriksa atau mekanik. David mendapat bahawa satu bahagian pada mesinnya tidak berfungsi dengan betul dan produk yang dihasilkan tidak kelihatan seperti yang sepatutnya. Beliau khuatir untuk cuba membaikinya sendiri tetapi beliau tahu ia baru sahaja diservis pada minggu lepas. Apakah yang perlu dilakukan oleh beliau?
- J: David tidak sepatutnya cuba untuk membetulkan masalah itu sendiri kerana beliau bukanlah seorang pemeriksa atau mekanik. Beliau perlu berada sejauh yang mungkin daripada bahaya dan melaporkan kerosakan yang disyaki dengan segera kepada penyelia atau pekerja yang dibenarkan melakukan kerja pada mesin tersebut, supaya mesin tersebut boleh dimatikan, diperiksa dan dibaiki dengan sempurna secepat mungkin.

UNDANG-UNDANG URUS NIAGA DAN PERSAINGAN YANG ADIL

Sebagai kakitangan di Knowles Corporation, kita menang dengan integriti—tidak sekali-kali melalui penipuan. Kita bersaing hanya dengan jujur dan adil di pasaran. Dengan cara ini, kita hanya terlibat dalam pemasaran dan amalan jualan yang beretika. Ini bermakna, sebahagiannya, bahawa kita hendaklah berkomunikasi dengan adil dengan pelanggan dan rakan niaga yang

sebenar dan berpotensi pada setiap masa. Selain itu, kita tidak sepatutnya membuat kenyataan mengecil-ngecilkan yang palsu atau mengelirukan mengenai para pesaing Knowles atau produk mahu pun perkhidmatan mereka.

Ini juga bermakna bahawa kita tidak cuba untuk memperoleh kelebihan persaingan secara tidak adil melalui amalan rasuah. Secara khusus, Knowles tidak akan bertolak ansur dengan sebarang bentuk rasuah komersial. “Rasuah komersial” berlaku apabila sebuah syarikat (atau wakilnya) memberikan rasuah, sogokan, bayaran yang tidak wajar atau apa-apa yang bernilai kepada seorang kakitangan, ejen atau wakil dari syarikat lain dengan tujuan mendapatkan atau mengekalkan perniagaan, atau mendapatkan konsesi istimewa yang lain. Melibatkan diri dalam rasuah jenis ini—atau apa-apa jenis rasuah yang lain—merupakan pencabulan Kod, dasar Syarikat dan undang-undang. Untuk mendapatkan maklumat lanjut, sila lihat *Dasar Anti Rasuah* kita, yang boleh didapati di www.knowles.ethicspoint.com dan <http://ke-web.knowles.com>.

Undang-undang Persaingan dan Antitrust

Selain amalan jualan dan pemasaran yang beretika, kita tertakluk kepada pelbagai undang-undang persaingan—dikenali juga sebagai undang-undang antitrust—di semua negara tempat kita menjalankan perniagaan. Undang-undang ini dibentuk untuk mengukuhkan persaingan dan untuk memberi manfaat kepada pengguna dengan menjamin bahawa perniagaan bersaing untuk menyediakan produk dan perkhidmatan yang bermutu pada harga yang berpatutan dan bersaing dalam penyelidikan dan pembangunan.

Secara umum, undang-undang persaingan melarang kegiatan antara para pesaing yang memberi kesan negatif kepada pasaran, seperti penetapan harga, pembahagian wilayah, pengagihan pelanggan, bersetuju dengan syarat perjanjian dengan pesaing kita dan kegiatan lain yang seumpamanya. Ia juga melarang perjanjian atau persefahaman yang tertentu dengan pelanggan, pembekal dan rakan niaga kita yang lain, yang akan menyekat persaingan secara tidak sah. Undang-undang ini berbeza-beza bergantung pada tempat anda menjalankan perniagaan. Walau bagaimanapun, banyak undang-undang, termasuk undang-undang Amerika Syarikat, boleh dikenakan walaupun apabila anda menjalankan perniagaan di negara lain. Anda bertanggungjawab untuk mengetahui dan mematuhi semua undang-undang persaingan adil yang diguna pakai untuk kerja yang anda lakukan bagi pihak Knowles Corporation.

Semasa anda bekerja di Knowles, anda mungkin dikehendaki menghadiri persidangan persatuan perdagangan atau industri. Dalam situasi ini, anda mesti lebih berhati-hati dan tidak boleh membincangkan topik anti persaingan dengan pesaing. Jika seorang pesaing cuba membangkitkan topik yang dilarang, anda harus segera menghentikan perbualan tersebut. Kemudian, anda perlu berbincang dengan penyelia anda atau menelefon Jabatan Undang-undang Knowles untuk melaporkan tentang kejadian tersebut dan mendapatkan nasihat lanjut.

Soal & Jawab

- S: Aneesa menerima panggilan telefon daripada pesaing Knowles. Pemanggil tersebut memberitahu hanya jika Aneesa berhenti membuat jualan di kawasan pasarananya, beliau akan membuat kenyataan yang negatif kepada orang ramai mengenai Knowles yang mungkin mengancam perniagaan kita. Aneesa tidak mahu menyebabkan Knowles mendapat sebarang kemudaratan di mata awam. Apakah yang perlu beliau lakukan?
- J: Aneesa sepatutnya memberitahu pesaing tersebut bahawa panggilan yang beliau buat adalah salah di sisi undang-undang dan meletakkan telefon dengan serta-merta. Beliau perlu melaporkan kepada penyelia beliau dan Jabatan Undang-undang Knowles. Pesaing cuba untuk membahagikan pasaran, yang mana menyalahi undang-undang pesaing dan Kod kita. Sentiasa berwaspada apabila berurusan dengan pesaing dan berbincanglah dengan penyelia anda dan Jabatan Undang-undang Knowles apabila anda mempunyai persoalan mengenai mengambil tindakan sewajarnya.

Mengumpul Maklumat Persaingan

Bersaing dengan beretika dan berkesan dalam pasaran merupakan matlamat kita. Untuk bersaing begini, wajar bagi kita untuk mengumpul maklumat persaingan dalam bentuk tertentu. Walau bagaimanapun, kita hendaklah berbuat demikian dengan bertanggungjawab, beretika dan mengikut undang-undang. Jika tidak, kita berisiko melanggar Kod, dasar Syarikat dan undang-undang.

Sebagai peraturan umum, kita boleh mengumpul dan menggunakan maklumat yang boleh didapati secara terbuka, seperti di akhbar atau di Internet, juga laporan tahunan umum atau bahan jualan yang diterbitkan. Kita boleh menggunakan maklumat yang didapati daripada perbualan dengan pelanggan, selagi maklumat tersebut tidak sulit atau berkaitan dengan amalan anti-pesaingan. Kita juga boleh mendapatkan dan menggunakan maklumat daripada penasihat dan perunding yang bereputasi dengan jaminan bersesuaian bahawa maklumat tersebut didapati dengan cara yang betul.

Walau bagaimanapun, pengumpulan maklumat yang kelihatan tidak wajar sekali pun boleh mengakibatkan masalah undang-undang kepada Knowles dan individu yang terlibat. Oleh itu, anda tidak boleh sama sekali mendapatkan atau menggunakan maklumat sulit atau proprietari pesaing sama ada secara terus daripada pesaing atau melalui representasi salah atau dengan cara tipu helah atau tidak wajar. Jika anda menerima maklumat begini, anda perlu merujuk kepada penyelia anda dan Jabatan Undang-undang Knowles dengan serta-merta.

Ada masanya, kakitangan baharu Knowles mempunyai maklumat perniagaan tentang pelanggan, rakan niaga dan pesaing kita disebabkan oleh kerja mereka bersama majikan sebelum ini. Maklumat tersebut mungkin termasuk:

- Data teknikal, reka bentuk atau proses khusus
- Rahsia perdagangan atau maklumat sulit
- Perisian yang dilesenkan kepada bekas majikan
- Apa sahaja yang bertanda atau dimaksudkan sebagai sulit atau pemilikan dan tidak boleh didapati secara terbuka

Sentiasa hormati kerahsiaan maklumat ini, dan jangan sekali-kali meminta kakitangan baharu untuk mendedahkan maklumat sulit atau proprietari tentang bekas majikan beliau, atau jika tidak akan melanggar perjanjian kerahsiaan dengan bekas majikan beliau. Jika kakitangan baharu itu menawarkan untuk mendedahkan maklumat sedemikian, anda hendaklah menolak tawaran tersebut. Langkah proaktif perlu diambil untuk memastikan kakitangan baharu memahami dasar ini dan tidak membawa maklumat sedemikian ke Syarikat kita semasa diambil bekerja.

LAYANAN BERETIKA PEMBEKAL

Sebagai syarikat yang beretika, Knowles berusaha untuk berurus niaga dengan pembekal dan rakan niaga yang berkongsi nilai kita dan menyumbang kepada budaya kita. Selain itu, Syarikat kita memilih pembekal berdasarkan kelayakan, dan bukan atas dasar berat sebelah atau rasuah. Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai pendirian Syarikat kita terhadap pemilihan pembekal dan rakan niaga yang lain, sila rujuk kepada pasukan Rantaian Bekalan Knowles.

PERLINDUNGAN MAKLUMAT PIHAK KETIGA

Pelanggan, pembekal dan rakan niaga kita lazimnya mengamanahkan kita menjaga data dan maklumat yang sangat sulit. Ramai antara kita yang mengurus dan memanfaatkan data serta maklumat ini dalam projek kita setiap hari. Sama seperti apa yang kita harapkan untuk melindungi maklumat persendirian masing-masing, kita juga harus menghormati dan melindungi maklumat pihak ketiga dengan penjagaan terbaik pada setiap masa. Tanggungjawab kita untuk berbuat demikian melangkaui ruang lingkup dan terma pekerjaan kita dengan Knowles Corporation. Pendek kata, jangan sekali-kali berkongsi maklumat mana-mana pelanggan, pembekal atau pihak ketiga tanpa alasan perniagaan yang sah dan kelulusan yang sepatutnya untuk berbuat demikian. Maklumat ini termasuklah kaedah perniagaan, harga dan data pemasaran, strategi, kod komputer, skrin, borang, penyelidikan percubaan dan maklumat mengenai pelanggan, pembekal dan rakan niaga semasa, sebelum dan yang bakal menjadi pelanggan, pembekal dan rakan niaga Knowles.

PERTANYAAN YANG DIAJUKAN OLEH PENGANALISIS DAN MEDIA

Sebagai syarikat global, mesej Knowles didengar di seluruh dunia. Sebab itulah, penting bagi kita bercakap dengan satu suara. Oleh itu, hanya jurucakap yang dilantik dalam Syarikat dibenarkan membuat kenyataan tertentu kepada orang awam. Jika anda menerima permintaan untuk mendapatkan maklumat daripada penganalisis, pelabur atau pelabur berpotensi, majukan permintaan tersebut kepada Naib Presiden Perhubungan Pelabur Knowles. Sekiranya anda memerlukan bantuan dengan pertanyaan media, atau jika anda dihubungi oleh seorang ahli media, sila hubungi jurucakap Knowles Corporation atau Naib Presiden Komunikasi Knowles terlebih dahulu. Perlu diingat bahawa anda tidak seharusnya sama sekali cuba bercakap bagi pihak Knowles jika anda tidak diberi kuasa untuk berbuat demikian, dan tidak perlu berasa tertekan untuk menyediakan jawapan kepada pertanyaan pihak luar.

MENGHORMATI DAN MENGHARGAI UNDANG-UNDANG DAN ETIKA PEMATUHAN PERDAGANGAN

Capaian global Syarikat kita memerlukan kita mengetahui dan mematuhi semua undang-undang antarabangsa yang berkaitan dengan perdagangan. Knowles kadangkala membekalkan peralatan dan teknologi yang tertakluk kepada undang-undang kawalan eksport, dan menerima bahan yang tertakluk kepada peraturan import.

“Eksport” berlaku apabila sejenis produk, perkhidmatan, teknologi atau maklumat dihantar kepada seseorang yang berada di negara lain. Eksport juga boleh berlaku walaupun teknologi, maklumat teknikal, atau perisian tersebut tidak meninggalkan sesebuah negara, seperti melalui cara lisan atau penghantaran elektronik kepada seorang warga asing yang berada di negara yang sama atau negara yang lain – contohnya perbualan telefon atau e-mel. Sebelum mengeksport sebarang produk, perkhidmatan atau maklumat, anda hendaklah memperoleh semua lesen dan kebenaran yang diperlukan dan membayar segala cukai yang sepatutnya. Pengendalian dan “eksport semula”—atau, pemindahan peralatan dan teknologi tersebut ke negara lain—setelah lesen yang berkaitan diperoleh, mestilah konsisten dengan syarat lesen dan semua peraturan yang berkenaan. Kebanyakan produk Knowles tidak memerlukan lesen untuk dieksport ke kebanyakan destinasi, pengguna akhir dan penggunaan akhir. Walau bagaimana pun, anda bertanggungjawab untuk mengetahui jenis produk dan teknologi berkaitan yang tertakluk di bawah kawalan eksport dan memperoleh lesen yang berkenaan untuk mengeksport dan mengeksport semula item tersebut. Sila hubungi penyelaras pematuhan tempatan anda atau Jabatan Undang-undang Knowles sekiranya ada sebarang kemosyikilan berkenaan dengan isu kawalan eksport mengenai sesuatu produk atau teknologi.

Selain itu, embargo perdagangan kerajaan mlarang atau menyekat kita daripada menjalankan aktiviti perniagaan dengan beberapa buah negara, syarikatnya dan warganya. Di Amerika Syarikat, negara yang tertakluk kepada embargo A.S. dan sekatan perniagaan pada masa ini termasuklah Cuba, Iran, Libya, Korea Utara, Sudan dan Syria. Di bawah undang-undang A.S., transaksi oleh warga A.S. yang melibatkan kerajaan Burma (atau Myanmar) dan beberapa buah bank Burma juga dilarang. Selain itu, entiti dan orang perseorangan di beberapa buah negara lain (seperti Belarus, Liberia dan Zimbabwe), adalah dilarang atas beberapa sebab. Jika anda menjalankan kegiatan perdagangan antarabangsa, anda bertanggungjawab untuk mematuhi undang-undang perdagangan di negara tersebut. Ini mungkin termasuk:

- Keganasan
- Pengedaran Narkotik
- Pengagihan senjata pemusnah besar-besaran
- Pelanggaran undang-undang kawalan eksport A.S.

Senarai negara, entiti dan orang perseorangan ini boleh berubah pada bila-bila masa. Sila rujuk kepada kakitangan yang berkenaan di Syarikat anda yang menguruskan kepatuhan perdagangan untuk mendapatkan senarai terkini.

Anda bertanggungjawab untuk memperoleh semakan undang-undang yang melibatkan negara di bawah embargo, syarikatnya dan warganya untuk memastikan sama ada undang-undang A.S. atau undang-undang lain melarang transaksi yang dicadangkan tersebut. Semua transaksi mestilah disaring untuk memastikan ia tidak melibatkan mana-mana pihak, destinasi atau penggunaan akhir yang dilarang.

Akhir sekali, apabila mengimport barang, kakitangan pembelian, logistik dan gudang anda bertanggungjawab untuk menyelia broker kastam syarikat anda. Kakitangan pembelian, logistik dan gudang anda hendaklah memastikan bahawa barang import tersebut dibawa masuk ke dalam negara pengimportan, dengan nilai kastam, klasifikasi cukai dan negara asal yang betul.

Secara ringkasnya, sekiranya tugas anda melibatkan pemindahan atau penggunaan barang atau teknologi yang tertakluk kepada kawalan eksport atau peraturan import, anda bertanggungjawab untuk mengetahui dan mematuhi undang-undang yang berkaitan, segala peraturan dan dasar serta amalan syarikat yang berkenaan. Akibat dan kesan ketidakpatuhan undang-undang dan peraturan kawalan perdagangan ini sangat serius—kepada Syarikat kita dan juga individu yang terlibat. Oleh itu, sekiranya anda mempunyai sebarang persoalan berkenaan dengan eksport, eksport semula atau import, sila berhubung dengan penyelaras keputusan tempatan anda atau Jabatan Undang-Undang Knowles dengan segera.

Disebabkan oleh operasi global kita, kita mestilah juga sedar berkenaan dengan sebarang permintaan boikot yang tidak dilaksanakan oleh Amerika Syarikat, seperti boikot ke atas Israel oleh Liga Arab. Tidak kira di mana lokasi kita, dan sama ada permintaan tersebut bertulis atau lisan, kita tidak boleh bertindak atau bersetuju dengan boikot yang tidak dilaksanakan atau dipersetujui oleh Amerika Syarikat. Undang-undang anti-boikot A.S. adalah rumit dan memerlukan semakan mengikut kes, yang bermaksud kita mungkin tidak mengambil atau bersetuju untuk mengambil tindakan berikut:

- Menolak untuk melakukan perniagaan dengan negara yang diboikot tanpa persetujuan, warganya atau rakan perdagangan mereka—seperti Israel, syarikat Israel, warga Israel atau syarikat yang “disenaraihitamkan” oleh Liga Arab kerana telah menjalankan perniagaan yang melibatkan Israel.
- Memberi maklumat berkenaan hubungan perniagaan dengan negara yang tertakluk kepada boikot tanpa persetujuan atau individu yang disenaraihitamkan tanpa persetujuan.
- Diskriminasi berdasarkan atau pemberian maklumat berkenaan dengan agama, kaum, jantina atau negara asal untuk boikot tanpa persetujuan.
- Implementasi surat cara kredit atau perjanjian penjualan, atau menjalankan transaksi perniagaan yang mengandungi syarat berkaitan dengan boikot yang tidak konsisten dengan undang-undang A.S.

Knowles diminta melaporkan sebarang permintaan untuk menyertai boikot asing tanpa persetujuan kepada kerajaan A.S., melainkan satu pengecualian perundangan dikenakan. Oleh itu, sekiranya anda mendapati anda telah menerima satu permintaan boikot atau mempunyai persoalan berkenaan dengan aktiviti boikot, penting agar anda memberitahu Jabatan Undang-Undang Knowles dengan serta-merta.

PERCANGGAHAN KEPENTINGAN; KEUNTUNGAN DAN PERHUBUNGAN TAK WAJAR

Untuk kekal menjadi sebuah syarikat yang beretika, kita hendaklah mengelakkan daripada terlibat dalam "percanggahan kepentingan" yang benar atau tersirat. Percanggahan kepentingan berlaku apabila kepentingan peribadi kita mengganggu, atau kelihatan mengganggu, keupayaan kita menjalankan tugas. Berikut ialah contoh keadaan yang boleh dikatakan sebagai keadaan yang boleh mewujudkan percanggahan kepentingan. Secara umumnya, anda mestilah mengelakkan daripada sebarang kepentingan, pelaburan atau perhubungan yang mungkin boleh menimbulkan percanggahan kepentingan.

Biasanya, anda boleh menyelesaikan sebarang percanggahan kepentingan sekiranya anda membuat pendedahan dengan segera. Mempunyai percanggahan kepentingan tidak semestinya merupakan pelanggaran Kod syarikat kita, tetapi kegagalan mendedahkannya menimbulkan pelanggaran.

Hadiah, Keraian dan Layanan Baik Perniagaan

Memberi hadiah korporat, keraian dan layanan baik boleh menjadi satu cara yang amat baik untuk menjalinkan hubungan perniagaan yang positif. Walau bagaimanapun, ada peraturan yang ketat berkenaan dengan amalan ini untuk memastikan ia tidak diberi atau diterima sebagai satu insentif yang tidak wajar atau berbentuk rasuah. Pelanggaran peraturan ini mungkin menyalahi undang-undang dan mengakibatkan individu yang terlibat dan Syarikat dihukum dengan berat. Selain itu, kita tidak boleh mewujudkan atau menunjukkan percanggahan kepentingan apabila menjalankan amalan perniagaan ini. Oleh itu, amat penting untuk memahami dan mematuhi peraturan dan Kod kita, dasar Syarikat dan undang-undang apabila menawarkan atau menerima sebarang hadiah, keraian dan layanan baik kepada atau daripada pelanggan, pembekal atau rakan niaga yang lain, termasuk juga pegawai kerajaan dan kakitangan syarikat kerajaan atau entiti yang di bawah kawalan kerajaan.

Secara umumnya, hadiah, keraian dan layanan baik hendaklah mematuhi garis panduan di bawah:

- Tidak pernah ditawarkan atau bertujuan untuk mempengaruhi keputusan perniagaan atau untuk keuntungan peribadi
- Munasabah dan tidak berlebihan daripada segi nilai dan kekerapan
- Bukan berbentuk tunai atau yang sepertinya (seperti kad hadiah, sijil, diskaun, saham dan baucar)
- Tidak bercanggah dengan dasar Knowles atau dasar majikan penerima

Hadiah wang tunai atau setara tunai (termasuk sijil hadiah, sekuriti, pinjaman di bawah pasaran, dan lain-lain) dalam sebarang jumlah adalah dilarang dan mesti dikembalikan dengan segera kepada penderma. Peraturan ini diguna pakai terhadap hadiah, pertolongan, jamuan makan dan keraian serta layanan baik yang ditawarkan juga kepada ahli keluarga anda.

Anda tidak digalakkan untuk menerima hadiah daripada pelanggan, pembekal atau rakan niaga lain. Sekiranya anda ditawarkan hadiah dan ia tidak praktikal bagi anda untuk tidak menerimanya atau memulangkannya, anda perlu merujuk kepada wakil Sumber Manusia atau

penyelaras pematuhan dalam unit anda untuk mendapatkan panduan seterusnya. Selain itu, apabila mengenal pasti sama ada wajar untuk memberi atau menerima hadiah atau hiburan, anda bertanggungjawab untuk mengetahui dan mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan dalam *Dasar Anti Rasuah*, yang boleh didapati di www.knowles.ethicspoint.com dan <http://ke-web.knowles.com>.

Soal & Jawab

- S: Veronique bertanggungjawab untuk perundingan kontrak dengan penjual. Semasa musim percutian, seorang wakil jualan bagi sebuah syarikat penjual menjemput Veronique ke pesta percutian di sebuah pusat peranginan yang mahal. Wakil jualan itu berjenaka dan mengatakan ini ialah satu acara yang "menyeronokkan" dan tidak akan melibatkan sebarang perbincangan perniagaan. Bolehkah Veronique menyertainya?
- J: Tidak, Veronique tidak boleh menyertainya. Pesta itu sesuatu yang mewah dan di luar urusan perniagaan yang biasa, kerana rundingan perniagaan tiada dalam agenda. Selain itu, sekiranya Veronique menghadiri pesta tersebut dan memuktamadkan satu kontrak dengan penjual tersebut, ia kelihatan seperti jemputan ke pesta tersebut bertujuan untuk mempengaruhi keputusan perniagaannya.
- S: Dalam satu mesyuarat di luar tapak, seorang penjual yang telah beberapa bulan membekalkan perkhidmatan kepada syarikat telah menjemput Erich untuk makan tengah hari. Erich menerima pelawaan itu dan membenarkan penjual itu membayar untuk makanannya. Adakah tindakannya itu betul?
- J: Pelawaan untuk makan dan hadiah kecil sekali-sekala biasanya dibenarkan, selagi ia tidak menimbulkan persoalan berkenaan dengan pertimbangan yang objektif. Buat penilaian tentang tempat dan kos hidangan, kekerapan pelawaan penjual itu dan sama ada anda mempunyai potensi perniagaan lain yang sedang dipertimbangkan dengan penjual itu. Sekiranya anda musykil, ambil sikap berhati-hati dan bayar untuk makanan anda sendiri, atau tolak pelawaannya secara sopan.

Hubungan Peribadi

Ada kalanya, kita mungkin dalam keadaan yang mana kita bekerja dengan rapat dengan ahli keluarga atau rakan. Penting agar kita tidak boleh terlibat sama sekali dalam pengambilan ahli keluarga sebagai pekerja atau menjadi penyelia kepada tugas mereka. Keadaan sedemikian akan menimbulkan percanggahan kepentingan — oleh itu, anda perlu mendedahkan perkara tersebut secepat mungkin. Selain itu, anda tidak boleh sekali-kali mengambil atau mencadangkan pengambilan pembekal atau rakan niaga lain yang menjadi majikan kepada ahli keluarga anda yang rapat, atau anda atau ahli keluarga anda mempunyai hak pemilikan yang banyak ke atasnya. Anda tidak boleh sekali-kali membuat sesuatu keputusan perniagaan berdasarkan hubungan kekeluargaan atau persahabatan selain alasan perniagaan yang wajar. Sebagai rujukan, "ahli keluarga" ialah orang yang berkaitan dengan anda atas pertalian darah, perkahwinan atau hubungan yang rapat. Ini mungkin termasuk suami/isteri, pasangan, ibu bapa, anak-anak, ipar-

duai dan sesiapa sahaja yang tinggal di rumah anda atau seseorang yang mempunyai hubungan cinta dengan anda.

Keuntungan Peribadi yang Tidak Wajar

Pinjaman atau jaminan obligasi daripada Knowles atau pihak ketiga disebabkan oleh kedudukan anda dalam Syarikat boleh dengan mudah memberikan tanggapan berlaku percanggahan kepentingan, dan, oleh itu dilarang sama sekali.

Peluang Korporat

Semasa menjalankan tugas syarikat Knowles, kita mungkin akan menemui peluang yang ingin kita rebut. Sila ambil perhatian bahawa kita tidak boleh merebut sebarang peluang perniagaan yang kita temui dengan menggunakan maklumat atau harta syarikat Knowles, atau melalui kedudukan kita dalam Syarikat, untuk diri kita sendiri, melainkan ia dibenarkan dengan jelas secara bertulis oleh Knowles Corporation. Sama seperti itu, kita juga tidak boleh membantu orang lain untuk menggunakan peluang tersebut. Ingat bahawa kita mempunyai tanggungjawab kepada Syarikat kita untuk mengembangkan perniagaannya secara sah apabila mungkin. Oleh itu, kita tidak boleh, dengan apa cara sekalipun berniat untuk bersaing dengan Syarikat kita.

Pekerjaan di Luar

Ada kalanya, kita ingin bekerja di tempat lain selain bertugas untuk Knowles. Kita sudah mengetahui yang kita tidak boleh bersaing dengan mana-mana syarikat Knowles semasa perkhidmatan kita. Walau bagaimanapun, ini bukanlah semata-mata isu berkenaan dengan kita tidak merebut peluang perniagaan yang diingini oleh Syarikat, tanpa kebenaran bertulis. Selain itu, kita tidak boleh melakukan sebarang tugas untuk badan kerajaan atau entiti perundangan atau pesaing, pelanggan atau pembekal Knowles Corporation. Seterusnya, kita tidak boleh menerima sebarang tawaran pekerjaan luar dengan pihak ketiga sekiranya ini akan mengurangkan keupayaan kita untuk memperuntukkan masa dan perhatian yang perlu kepada tugas kita. Dalam kata lain, kita hanya boleh menerima pekerjaan luar sekiranya ia tidak memberi kesan kepada tugas kita atau menimbulkan percanggahan kepentingan.

RASUAH, SOGOKAN DAN BAYARAN TIDAK WAJAR YANG LAIN

Menawarkan atau membayar rasuah dan bayaran tidak wajar yang lain untuk memenangi perniagaan ialah sesuatu yang tidak boleh diterima, tidak kira di mana kita menjalankan perniagaan. Syarikat kita tidak akan bertolak ansur terhadap sebarang bentuk rasuah dengan mana-mana pihak ketiga, orang ramai atau persendirian, atau dilakukan oleh kakitangan atau secara tidak langsung melalui pihak ketiga, walaupun ini akan mengakibatkan kita kehilangan perniagaan atau menghadapi kelewatan.

“Rasuah” ialah apa-apa yang bernilai yang ditawarkan, dijanjikan atau diberikan untuk mempengaruhi secara tidak wajar suatu tindakan pihak ketiga untuk memperoleh atau mengekalkan sesuatu perniagaan atau kelebihan perniagaan. Rasuah termasuk wang dalam apa-apa bentuk (termasuk sesuatu yang setara dengan tunai), hadiah, perjalanan atau perbelanjaan lain, keraian, pinjaman di bawah pasaran, diskau, pertolongan, peluang pekerjaan atau

perniagaan, sumbangan politik atau kebajikan, atau keuntungan atau balasan secara langsung atau tidak langsung.

Rasuah dan bayaran tidak wajar lain menyalahi pelbagai undang-undang anti rasuah dan akan menjadikan individu yang terlibat dan Syarikat disabitkan dengan kesalahan jenayah dan sivil dan dihukum dengan berat. Kita bertanggungjawab untuk mengetahui dan mematuhi undang-undang anti rasuah tempatan yang dikenakan di semua negara tempat kita menjalankan perniagaan. Untuk mendapatkan maklumat lanjut, sila lihat *Dasar Anti Rasuah* kita, yang boleh didapati di www.knowles.ethicspoint.com dan <http://ke-web.knowles.com>.

Bayaran Pemudahan Dilarang

“Bayaran pemudahan” ialah bayaran kecil yang diberikan kepada seseorang kakitangan kerajaan, selalunya dalam bentuk tunai, untuk menyegerakan atau menjamin pelaksanaan sesuatu proses rutin—seperti menyegerakan perkhidmatan utiliti, memberikan perlindungan daripada pihak polis yang diperlukan, atau meluluskan permit kerja atau visa. Undang-undang anti rasuah kebanyakan negara melarang bayaran pemudahan, dan begitu juga Knowles, melarang bayaran berkenaan dibuat walaupun dibenarkan oleh undang-undang tempatan. Untuk mendapatkan maklumat lanjut, sila lihat *Dasar Anti Rasuah* kita, yang boleh didapati di www.knowles.ethicspoint.com dan <http://ke-web.knowles.com>.

ASET, MAKLUMAT DAN TEKNOLOGI KNOWLES

Setiap hari, kita diamanahkan agar menggunakan harta syarikat Knowles dengan wajar dan bertanggungjawab terhadap penggunaan aset Syarikat dengan cermat. Ini bermakna kita harus menjaga harta Syarikat dan melindunginya daripada kecurian, kerosakan, kehilangan dan penggunaan yang tidak wajar. “Harta Syarikat” termasuk aset fizikal, seperti kemudahan, peralatan, kenderaan, perisian, komputer, dana dan bekalan, juga sistem rangkaian dan komputer serta sumber kuasa dan tenaga kita. Kita bukan sahaja harus melindungi segala aset ini, malah kita juga harus memastikan kita menggunakananya dengan betul sepanjang masa.

Kita hendaklah menggunakan peralatan teknologi Syarikat untuk tujuan perniagaan dan untuk berkhidmat demi kepentingan Syarikat. “Peralatan Teknologi” termasuk, tetapi tidak terhad kepada, peralatan komputer, perisian, sistem pengendalian, akaun rangkaian bagi e-mel dan media storan. Walaupun kita dibenarkan untuk kegunaan peribadi secara terhad, tetapi penggunaan ini tidak boleh mengganggu keupayaan kita untuk menjalankan tugas. Juga, pastikan bahawa penggunaan ini tidak menyalahi sebarang dasar Syarikat atau undang-undang yang diguna pakai. Jika dibenarkan oleh undang-undang tempatan, Syarikat kita berhak untuk mengawasi semua penggunaan sistem rangkaian dan komputernya.

Penggunaan peralatan teknologi Syarikat yang betul juga memerlukan kita menggunakan Internet bagi tujuan perniagaan dan dengan cara yang beretika dan menurut undang-undang. Kita tidak boleh menghantar, menerima, memuat turun atau memaparkan bahan yang menimbulkan gangguan, berkemungkinan menyakitkan hati rakan sekerja atau mungkin menggugat persekitaran kerja kita. Antara contohnya ialah gambar tidak senonoh, jenaka yang tidak wajar atau bahan yang bersifat seksual dan lucah. Selain itu, kita tidak boleh menyiar maklumat ke

blog, papan pesanan, kumpulan berita atau forum awam yang lain menggunakan alamat e-mel Knowles kita, melainkan kita melakukannya semasa menjalankan tugas kita.

Kita bertanggungjawab untuk mengambil langkah keselamatan apabila menggunakan sistem rangkaian dan komputer Syarikat kita. Pastikan komputer, komputer riba dan stesen kerja dilindungi dengan selamat semasa tidak digunakan. Berhati-hati semasa menulis e-mel, pesanan segera dan pesanan teks. Ingat bahawa orang lain boleh menukar dan/atau mengirim semula pesanan elektronik tersebut tanpa pengetahuan atau kebenaran anda. Jika anda menghantar maklumat yang dianggap sensitif atau boleh mendatangkan penjejasan, lindunginya dengan kata laluan atau sulitkan maklumat tersebut dan ikuti kawalan dalaman Syarikat.

Perlindungan Maklumat Sulit

Maklumat proprietari dan maklumat sulit Knowles ialah aset Syarikat yang paling penting. “Maklumat proprietari dan sulit” secara amnya adalah termasuk maklumat bukan awam yang, sekiranya dibocorkan, akan memberi manfaat kepada pesaing kita. Antara contohnya ialah data teknikal yang khusus, data reka bentuk atau proses, maklumat harga, rancangan perniagaan, pengambilalihan atau usaha sama, amalan projek, pelanggan dan senarai pembekal.

Anda hendaklah berusaha, sama ada semasa dalam atau luar pekerjaan, untuk melindungi maklumat pemilikan dan maklumat sulit Knowles dengan sangat cermat. Sekiranya anda dibenarkan berbuat demikian, anda boleh memberikan maklumat kepada pihak ketiga yang mempunyai keperluan perniagaan yang sah untuk mengetahuinya. Selain itu, anda boleh memberikan maklumat ini kepada rakan sekerja berdasarkan perlu tahu sahaja. Pastikan anda mengikut panduan keselamatan yang ada untuk melindungi maklumat ini daripada penggunaan tidak wajar sama ada secara sengaja atau tidak sengaja. Jangan sekali-kali membincangkan maklumat ini di tempat awam yang mana pihak lain boleh mendengarnya. Anda bertanggungjawab menyimpan maklumat sulit dan proprietari Knowles walaupun setelah perkhidmatan anda tamat.

Para pengurus hendaklah mengawasi bahawa perlindungan disediakan untuk melindungi maklumat sulit dan proprietari ini daripada penggunaan tidak wajar secara sengaja atau tidak. Bahan ini hanya boleh diberikan kepada kakitangan lain berdasarkan perlu tahu sahaja.

Beberapa buah syarikat Knowles menjalin usaha sama dengan syarikat lain yang mungkin juga pesaing, pembekal atau pelanggan kita dalam situasi yang lain. Komunikasi dalam usaha sama ini sememangnya genting, tetapi kita hendaklah mengambil langkah sepatutnya untuk melindungi maklumat sulit dan proprietari Knowles daripada pendedahan secara tidak sengaja dan tidak wajar atau daripada penggunaan luar daripada konteks usaha sama tersebut. Kita hendaklah mematuhi semua perjanjian usaha sama yang mengkhususkan dan mengehadkan akses kepada maklumat sulit dan sistem Knowles kepada individu tertentu.

Soal & Jawab

- S: Jessica menaiki kereta api ke tempat kerja setiap hari. Dia kadangkala memulakan tugasnya di dalam kereta api dengan menelefon semula pemanggil yang menelefonnya pada malam sebelumnya. Adakah ini satu masalah?
- J: Jessica hendaklah memastikan yang dia hanya boleh membincangkan maklumat yang tidak sulit sekiranya perbincangan itu di luar pejabat. Semasa membuat panggilan telefon di tempat awam seperti restoran, kereta api, lif atau di mana-mana persidangan, pastikan anda menyedari keadaan persekitaran anda.

PATEN, HAK CIPTA, TANDA DAGANGAN DAN RAHSIA PERDAGANGAN

Paten, hak cipta dan tanda dagangan ialah istilah undang-undang yang mentakrifkan bila sesuatu ciptaan, produk, kerja bertulis atau nama dimiliki oleh seseorang individu atau syarikat dan penggunaannya oleh pihak lain tanpa kebenaran jelas sememangnya dilarang. Hak pemilikan dalam paten, hak cipta dan tanda dagangan diberikan mengikut negara. Dapatkan nasihat dari Jabatan Undang-undang mengenai pendaftaran, pelesenan dan penguatkuasaan paten, hak cipta dan hak tanda dagangan di setiap negara anda berurus.

Satu “**paten**” ialah hak eksklusif yang terhad diberikan kepada suatu ciptaan yang baharu dan “tidak ketara”. Perlindungan paten merangkumi perlindungan program perisian, proses teknikal, mesin inovatif dan kaedah menjalankan perniagaan. “**Hak cipta**” ialah hak eksklusif yang terhad untuk penyalinan, pembahagian atau menjalankan sesuatu kerja ungkapan asal. Hak cipta meliputi kerja ungkapan asal seperti perisian, kandungan laman sesawang, panduan pengguna, artikel, fotografi, lukisan perincian produk dan bahan pasaran. “**Tanda dagangan**” ialah perkataan, simbol atau gabungan daripada perkataan dan simbol yang menandakan sumber asal dan mutu sesuatu produk. Logo dan nama Knowles dan syarikat kita yang beroperasi ialah tanda dagangan.

Paten, hak cipta dan tanda dagangan kepunyaan pihak lain tidak boleh digunakan tanpa kebenaran jelas daripada pemiliknya. Ini termasuk semua harta digital (gambar, video dan multimedia), dan rujukan kepada projek pelanggan. Jangan sekali-kali menyalin data proprietari, lukisan produk, panduan pengguna, nama atau perisian yang dicipta oleh pihak lain tanpa mendapat kebenaran yang diperlukan daripada pengarang atau pemiliknya. Dapatkan nasihat dari Jabatan Undang-undang jika anda mempunyai sebarang persoalan mengenai penggunaan bahan yang mungkin menggabungkan paten, tanda dagangan atau hak cipta yang dicipta dan dimiliki oleh pihak lain. Jangan sekali-kali menjiplak atau menggunakan artikel atau bahan yang diterbitkan oleh pihak lain untuk tujuan yang tidak sesuai.

Kadangkala kita mungkin membina idea, proses dan teknologi bagi pihak Syarikat kita atau dalam bidang kerja kita untuk syarikat Knowles yang akan dilindungi oleh undang-undang paten, hak cipta, tanda dagangan atau rahsia perdagangan. “Harta intelektual” ini kepunyaan Syarikat kita atau pelanggan Syarikat kita, bergantung pada keadaan. Setiap daripada kita hendaklah menyerahkan hak untuk sebarang harta intelektual sedemikian kepada Syarikat atau para pelanggan kita, seperti yang sepatutnya. Dapatkan nasihat dari Jabatan Undang-undang jika anda mempunyai sebarang keraguan berkenaan hak harta intelektual.

KESELAMATAN KOMPUTER DAN DATA

Knowles memiliki atau diberi lesen untuk menggunakan teknologi yang kita gunakan dalam segala urusan kita, termasuk perkakasan, perisian dan sistem komputer. Teknologi ini dan maklumat yang disimpan padanya adalah genting kepada kejayaan kita. Setiap orang yang menggunakan komputer di Knowles bertanggungjawab melindungi sumber teknologi yang berharga ini. Jika anda percaya bahawa ada sesiapa yang meletakkan prestasi dan/atau keselamatan mana-mana sistem maklumat Knowles dalam risiko, anda perlu segera memberitahu penyelia anda atau sumber yang disenaraikan dalam bahagian “Bagaimakah Hendak Mendapatkan Bimbingan atau Membuat Laporan?” di dalam Kod.

Syarikat telah mengamanahkan kita menggunakan teknologinya supaya kita dapat mengendalikan urusan Syarikat. Penggunaan kemudahan atau peralatan syarikat Knowles untuk tujuan tanpa kebenaran, penyalahgunaan, tidak beretika atau tidak wajar tidak akan diterima sama sekali. Ini bermakna kita tidak boleh menggunakan sebarang sumber ini untuk melakukan kegiatan haram, mencapai atau memuat turun bahan lucah atau seksual yang jelas, mendapatkan kepentingan atau keuntungan peribadi, atau menyampaikan pesanan berbentuk diskriminasi, gangguan atau ugutan. Anda seharusnya tidak mengharapkan privasi peribadi berhubung dengan sumber ini. Knowles berhak, sepenuhnya sehingga setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, untuk memantau atau menyemak sebarang pesanan dan maklumat yang dihantar atau diterima menggunakan sumber Syarikat. Selain itu, jangan sekali-kali menambah perisian yang tidak mempunyai perjanjian pelesenan, yang mungkin melanggar undang-undang hak cipta, atau yang tidak mempunyai tujuan perniagaan. Anda perlu berhubung dengan Jabatan IT sebelum menambah sebarang perisian.

Apabila mencapai Internet pada komputer kerja anda, anda perlu berwaspada untuk melindungi nama baik dan maklumat perniagaan Knowles. Untuk melakukannya, patuhi garis panduan ini:

- Ingatlah bahawa, dokumen dan maklumat elektronik boleh diperoleh semula walaupun setelah anda “memadamkan”-nya daripada ingatan komputer anda, maka berhati-hatilah apabila menambah maklumat sensitif dalam komunikasi elektronik.
- Jangan siarkan sebarang komen di laman rangkaian sosial, bilik sembang, blog atau papan pesanan mengenai Knowles—sama ada negatif atau positif—yang mungkin boleh dilihat sebagai kenyataan yang dibuat bagi pihak Syarikat, tanpa mendapat kebenaran yang sepatutnya.
- Jangan sekali-kali menyampaikan bahan kesat, tidak sesuai atau melanggar undang-undang kepada sesiapa di dalam atau di luar Syarikat.
- Capai intranet Knowles hanya melalui proses keselamatan IT yang sempurna.
- Berwaspada agar tidak membuat kenyataan spekulatif yang boleh mengelirukan atau salah apabila dibaca oleh pihak lain.

Media dan Perangkaiian Sosial

Ramai antara kita mempunyai capaian kepada Internet melalui komputer kerja masing-masing. Walaupun kegunaan peribadi ada kalanya dibenarkan, kita haruslah berhati-hati untuk melindungi nama baik serta maklumat perniagaan Knowles dengan tidak memberi sebarang

komen pada bilik sembang, blog atau papan pesanan tentang Knowles— negatif atau positif— yang boleh dikaitkan dengan Syarikat ini. Anda tidak harus sekali-kali menggunakan masa, harta atau rangkaian Syarikat untuk komunikasi sedemikian. Jika anda memilih untuk berbuat demikian di luar persekitaran kerja, anda harus menggunakan alamat e-mel peribadi dan sambungan Internet anda sendiri dan:

- Nyatakan dengan jelas bahawa ini ialah pandangan peribadi dan bukan pandangan Syarikat, dan
- Pastikan bahawa komunikasi anda tidak melanggar undang-undang (contohnya, dasar libel, fitnah, gangguan atau undang-undang hak cipta) atau dasar Syarikat (sebagai contoh, pendedahan maklumat sulit atau hak milik atau bercakap bagi pihak Knowles)

INTEGRITI BUKU DAN REKOD KEWANGAN KITA

Perakaunan yang Tepat dan Jujur

Kita semua perlu melaksanakan peranan masing-masing bagi memastikan bahawa dokumen kewangan Syarikat yang didedahkan kepada umum adalah tepat dan jujur. Walaupun mungkin tidak nampak ketara kepada sebahagian daripada kita bagaimana maklumat yang kita janakan memberi kesan kepada rekod kewangan Syarikat kita, kita semua memainkan peranan dalam memastikan tugas penting ini dipenuhi. Oleh itu, setiap data atau maklumat yang kita kemukakan dalam rekod Syarikat—termasuklah rekod kakitangan, masa, perbelanjaan dan keselamatan—perlulah jujur, tepat dan lengkap sepenuhnya. Kita mesti mematuhi sistem kawalan dalaman dan semua keperluan perakaunan yang diguna pakai oleh Syarikat kita semasa merekodkan data ini. Kita juga perlu mengemukakan dokumentasi kontrak yang sesuai pada setiap masa.

Iltizam kita untuk menerapkan Nilai dan Tatakelakuan Knowles memerlukan kita melibatkan diri dalam urus niaga yang sah dan yang dibenarkan sahaja. Untuk berbuat demikian, kita tidak boleh melibatkan diri dalam mana-mana kegiatan berikut:

- Membuat representasi palsu sama ada secara lisan atau bertulis
- Menyembunyikan dana Syarikat
- Menyalahcirikan urus niaga Syarikat
- Mewujudkan akaun dana yang tidak didedahkan atau direkodkan
- Secara sengaja membenarkan kegiatan yang menyalahi undang-undang yang serupa berlaku

Jika anda mendapati berlaku sebarang penyelewengan perakaunan atau pengauditan, atau kejadian penipuan oleh individu yang bertanggungjawab untuk perakaunan atau laporan kewangan Syarikat, anda hendaklah melaporkan pemerhatian anda sebagaimana yang diperuntukkan dalam bahagian “Bagaimakah Hendak Mendapatkan Bimbingan atau Membuat Laporan?” yang terdapat dalam bahagian awal Kod ini. Perlu diingat bahawa anda dilindungi daripada tindakan balas apabila membuat laporan dengan niat baik.

PENYIMPANAN DOKUMEN DAN REKOD

Kita sering berurusan dengan sebilangan dokumen dan rekod Knowles yang banyak, sama ada kertas maupun elektronik. Anda perlu mengetahui berapa lama anda perlu menyimpan dokumen dan rekod ini, dan cara untuk melupuskannya. Jika anda dimaklumkan bahawa dokumen dalam simpanan anda mempunyai kaitan dengan pendakwaan, penyiasatan atau audit, sila ikuti garis panduan yang dinyatakan dalam makluman tersebut.

MENGELAKKAN PERDAGANGAN ORANG DALAM

Sebahagian daripada kita akan mendapat maklumat dalaman tentang Syarikat, pelanggan atau rakan kongsi kita melalui urusan bersama Knowles. “Maklumat dalaman” ialah maklumat penting yang tidak dimaklumkan kepada orang ramai dan diambil berat oleh pelabur yang rasional dalam membuat keputusan untuk membeli, menjual atau memegang saham. Perlu diingat bahawa walaupun maklumat tentang peristiwa atau tindakan yang tidak pasti berlaku, seperti pemberian kontrak yang baru yang mungkin berlaku atau menandatangani perjanjian pengambilalihan, boleh dianggap sebagai maklumat dalaman.

Contoh maklumat dalaman termasuk:

- Maklumat atau data kewangan seperti pendapatan atau jangkaan
- Perolehan atau kehilangan anugerah baru yang ketara, kontrak atau perniagaan sedia ada
- Rancangan Kewangan
- Perubahan dalam pengurusan kanan
- Kewujudan, atau perkembangan penting atau yang dijangkakan dalam, litigasi atau penyiasatan kerajaan
- Penggabungan, pengambilalihan atau penyahlaburan
- Pertukaran juruaudit luar atau pemberitahuan daripada juruaudit kita mengenai penyata kewangan

Kita semua mesti memastikan kerahsiaan maklumat dalaman Syarikat, berhati-hati agar tiada pihak luar memperolehnya. Kita tidak boleh berkongsi maklumat dalaman dengan rakan sekerja yang tidak memerlukannya untuk melaksanakan tanggungjawab mereka.

Membeli atau menjual saham sesebuah syarikat setelah anda memperoleh maklumat dalaman mengenai syarikat tersebut dianggap sebagai “perdagangan orang dalam”. Kegiatan ini adalah salah di sisi undang-undang, begitu juga dengan pengedaran maklumat dalaman kepada orang lain yang berkemungkinan membeli atau menjual saham syarikat tersebut berdasarkan maklumat dalaman yang diperolehnya.

Sebaik sahaja maklumat penting ini didedahkan kepada umum untuk pasaran melalui saluran yang ditetapkan dan orang ramai mempunyai masa yang mencukupi untuk mendapatkan maklumat tersebut, ia tidak lagi dikenali sebagai “maklumat orang dalam”. Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan tentang urus niaga dalaman, anda boleh menghubungi Jabatan Undang-undang Knowles.

PENYIASATAN DAN AUDIT

Kita perlu bekerjasama dengan mana-mana juruaudit dalaman atau luaran, serta penyiasat kerajaan atau pengawal selia yang memerlukan maklumat berkaitan dengan mana-mana audit atau penyiasatan Syarikat. Ini bermakna kita mesti menyediakan maklumat yang tepat dan lengkap sahaja kepada pihak ini. Selain itu, kita tidak boleh memadamkan atau memusnahkan segala rekod yang tertakluk kepada (atau mungkin menjadi bahan) sesuatu penyiasatan kerajaan atau dalaman, pendakwaan atau tuntutan mahkamah.

Kita dilarang mempengaruhi mana-mana juruaudit, pengawal selia atau penyiasat yang mengkaji semula rekod Syarikat, atau juga menggalakkan pihak lain untuk berbuat demikian. Jika seseorang penyiasat kerajaan meminta anda untuk mengambil bahagian dalam pemeriksaan atau meminta dokumen atau maklumat, anda hendaklah segera memaklumkan penyelia anda dan mematuhi dasar Syarikat.

MENGHORMATI DAN MENGHARGAI KOMUNITI GLOBAL KITA

KEMAPANAN ALAM SEKITAR

Sebahagian daripada menjadi sebuah syarikat yang beretika bermaksud menjalankan perniagaan dengan bertanggungjawab di seluruh dunia dan melindungi masyarakat sejagat. Kita semua mesti memainkan peranan masing-masing untuk mendukung iltizam ini terhadap alam sekitar kita dengan mematuhi semua peraturan alam sekitar yang sepatutnya dan berusaha untuk mengurangkan kesan karbon kita.

KONTRAK KERAJAAN

Apabila berurusan dengan bakal pelanggan kerajaan atau yang sedia ada, kita perlu mematuhi undang-undang, peraturan dan tatacara yang diguna pakai untuk kerja kontrak kerajaan. Peraturan ini kerap kali lebih ketat dan rumit jika dibandingkan dengan peraturan yang mengawal jualan kepada para pelanggan perdagangan kita. Jika kerja anda melibatkan pemasaran atau penjualan kepada, mengikat kontrak dengan, atau mengusahakan projek untuk agensi kerajaan, anda bertanggungjawab untuk mengetahui dan mematuhi peraturan tertentu yang diguna pakai untuk projek tersebut. Berbincanglah dengan penyelia anda atau Jabatan Undang-undang Knowles jika anda mempunyai sebarang persoalan atau kemosykilan mengenai peraturan ini atau penggunaannya terhadap kerja-kerja yang anda lakukan. Sila ambil perhatian bahawa pelanggaran peraturan ini boleh mengakibatkan denda yang berat, kehilangan kontrak kerajaan yang akan datang dan juga pendakwaan jenayah terhadap individu yang terlibat dan juga Syarikat.

SUMBANGAN POLITIK

Knowles menggalakkan setiap daripada kita untuk memberi masa peribadi kita dan dana untuk menyokong calon politik dan kebajikan pilihan kita. Walau bagaimana pun, kita tidak boleh menggunakan sumber Syarikat atau nama Knowles apabila membuat sumbangan atau melibatkan diri dalam aktiviti sedemikian tanpa mendapatkan kebenaran dari Jabatan Undang-undang Knowles terlebih dahulu. Jika anda menerima sebarang tekanan atau paksaan untuk berbuat demikian, sila laporkan kejadian tersebut kepada sumber yang disenaraikan dalam bahagian “Bagaimakah Hendak Mendapatkan Bimbingan atau Membuat Laporan?” Baik kedudukan anda dalam Syarikat kita mahu pun potensi anda untuk kemajuan masa depan tidak berkaitan dengan sokongan anda terhadap tujuan politik.

PENGUBAHAN WANG HARAM

Knowles beriltizam untuk membanteras “pengubahan wang haram” di negara tempat kita menjalankan perniagaan. Pengubahan wang haram ialah proses yang digunakan oleh individu atau pertubuhan untuk menggerakkan dana jenayah melalui sistem kewangan bertujuan menyembunyikan sumber jenayah yang dilakukan oleh mereka, atau sebaliknya cuba untuk membuat dana ini kelihatan sah.

Walaupun segelintir daripada kita pernah berada dalam kedudukan yang boleh melanggar undang-undang pengubahan wang haram, tetapi kita juga perlu sentiasa berwaspada terhadap

penyelewengan dalam cara pembayaran dilakukan. Jika anda melihat sebarang perkara berikut, anda perlu melaporkannya kepada Jabatan Undang-undang Knowles dengan serta-merta:

- Pembayaran yang dilakukan dalam mata wang selain yang dinyatakan di dalam invois
- Percubaan untuk membuat pembayaran secara tunai atau yang bersamaan dengan nilai tunai
- Pembayaran yang dibuat oleh atau kepada pihak ketiga yang tidak terlibat dalam kontrak atau akaun lain selain akaun hubungan perniagaan yang biasa
- Permintaan atau percubaan untuk membuat bayaran bagi setiap invois atau sekumpulan invois melalui pelbagai bentuk pembayaran
- Permintaan untuk membuat bayaran berlebihan

PENEPIAN TERHADAP KOD KITA

Ketua Pegawai Eksekutif dan Ketua Penasihat Undang-undang Syarikat perlu meluluskan sebarang penepian terhadap Kod kita. Lembaga Pengarah perlu meluluskan sebarang penepian Kod kita yang dikenakan terhadap para pengarah atau pegawai eksekutif Syarikat. Syarikat kita tidak akan memberikan penepian kepada mana-mana pengarah atau pegawai eksekutif melainkan atas sebab yang tidak dapat dielakkan. Sekiranya sebarang penepian itu diberikan kepada mana-mana pengarah atau pegawai eksekutif Syarikat, kita akan mendedahkannya dengan segera kepada pemegang saham Knowles dengan memfailkan Borang 8-K atau pengeposan pada laman web Knowles. Segala pindaan penting terhadap Kod kita hendaklah diluluskan oleh Lembaga Pengarah dan akan diumumkan dengan segera apabila dikehendaki oleh peraturan atau undang-undang.